

# ISLAM SIASAH DAN KEBANGSAAN

Di dalam keluaran yang lalu telah tamatlah petikan kita atas makalah Dr. Taha Hussein Menteri Pelajaran

Mesir di dalam bukunya al-Fitnah al-Kubra yang di dalamnya, bagi mereka yang mengikuti rencana itu dapat mengesan bahawa asas pemerintahan di dalam Islam yang ditaja oleh Rasulullah dan dijalankan oleh khalifahnya Umar al-Farouk yang masyhur adil dan bijaksana itu ialah ikhlas, persaudaraan dan persamaan dan tidak ada di dalamnya ternyata ada didapati perkara-perkara yang melemahkan seseorang kepada kelebihan titisan darahnya kerana yang demikian itu ialah berlawanan dengan asas yang ditaja oleh Rasulullah di dalam mana menghendaki persamaan dan persaudaraan untuk menjadi persatuan yang pejal sebagai batu yang bina membina untuk menegakkan agama Allah.

Di dalam masa yang akhir-akhir ini di sama telah timbul pertubuhan-pertubuhan kebangsaan yang meletakkan asasnya tidak mencampuri agama dan dalam masa yang akhir ini juga banyak daripada orang-orang yang menamakan dirinya Islam telah terpengaruh dengan anasir-anasir Barat yang menunjukkan bahawa agama itu tidak boleh dicampurkan dengan siasah dan agama itu penghalang kepada kemajuan bangsa dan sebagainya yang semuanya adalah berlawanan sama sekali dengan pengajaran Islam yang sebenar oleh kerana Islam telah ditaja menjauhi daripada perpecahan di antara pemeluk-pemeluknya di antara satu dengan lain.

Cara-cara kebangsaan yang ditaja oleh sebahagian orang adalah membawa perpecahan dan menjauhkan daripada persaudaraan dan kasih mesra yang luas dan melanggar kepada amaran-amaran Allah yang menegaskan bahawa orang-orang kafir itu (yang bukan Islam) tidak akan bersenang hati melainkan ia akan

---


Allah dan sesiapa daripada kita tidak menunaikan tanggungannya itu untuk membina masyarakat kita di negeri kita maka jagalah balasan Allah kemudian hari kelak.

Saya yakin masing-masing kita telah ada berperasaan bagaimana beberapa lamanya kita telah menjadi kucar kacir. Inilah suatu peluang yang terbuka yang mesti kita bersama-sama berdiri di dalamnya dan saya percaya tiap-tiap seorang kita yang beriman kepada Allah akan menyambut seruan ini adanya.

memperdaya kamu. Sebenarnya Islam telah diasaskan kepada firman Allah yang maksudnya: "Kami telah jadikan kamu daripada lelaki dan perempuan dan Kami jadikan kamu bergolongan dan berkabilah itu ialah supaya kamu berkenal-kenalan. Sesungguhnya orang yang lebih mulia pada sisi Allah ialah orang yang terlebih takut kepadaNya".

Daripada ini maka dapat kita memandang dijadikan bergolong-golongan manusia itu ialah supaya berkenal-kenalan di antara satu sama lain dapat meletakkan muhibah yang rapat dan dengan yang demikian dapatlah ia menjalankan usaha-usaha berkasih mesra di antara mereka itu dan perbuatan-perbuatan mengadakan pertubuhan kebangsaan itu adalah menjadi suatu cara pemecah belah, suatu cara memecahkan persaudaraan umat Islam dan yang demikian adalah sangat-sangat ditegah sebagaimana yang tersebut di dalam riwayat tadi yang diriwayatkan oleh Abu Daud yang maksudnya bukan daripada golongan kita sesiapa yang mengajak (orang-orang) kepada kebangsaan.

Tegahan-tegahan ini nyata dan terang oleh kerana mudarat-mudaratnya yang membawa kepada perpecahan dan orang-orang yang menyokong kepada langkah-langkah itu adalah ditegah juga sebagaimana yang disebut di dalam hadis sahih yang diriwayatkan oleh Muslim yang maksudnya: Barangsiapa berperang di bawah bendera kesesatan, iaitu ia marah kerana kebangsaan atau mengajak orang kepada kebangsaan, atau menolong kebangsaan lalu ia terbunuh maka bangkainya itu ialah bangkai Jahiliah. Dengan keterangan-keterangan ini terang dan nyata bahawa kebangsaan yang sedemikian itu adalah menjadi



*Volunteer Laut Perempuan Pakistan sedang berbaris di hadapan Gabenor Jeneral al-Haj Khawwajah*

*Nizam al-Din pada masa menyambut Hari Ulang Tahun Negara Pakistan Yang Ke-4 pada 14 Ogos 1951*

*Di Karachi. Adakah cara begini dibenarkan oleh Islam?! – Gambar khas dari Karachi.*

tegahan oleh kerana ia memecahkan persatuan, menjauhkan di antara satu sama lain dan dengannya sudah tetap menjauhkan persaudaraan pada hal Allah telah berfirman yang maksudnya: sesungguhnya orang-orang mukmin itu ialah bersaudara (Q – surah al-Hujrat ayat 10). Juga yang demikian itu adalah dengan tepatnya membawa atau menjadikan kita melanggar perintah-perintah yang cukup terang disebut di dalam al-Quran yang menyuruh kita supaya jangan bercerai-berai sebagaimana firmanNya (maksudnya) berpeganglah kamu kepada agama Allah dan janganlah kamu bercerai-berai.

Ada banyak hadis yang mengenai perkara ini dan dengan keterangan-keterangan daripada hadis-hadis itu bagi kita di Semenanjung Tanah Melayu ini, jika sekiranya orang-orang Melayu itu mentaati kehendak-kehendak agama maka segala sifat kebangsaan yang dijalankan atau yang akan dijalankan itu sudah tentu berlawanan dengan dasar-dasar dan perintah-perintah agama terutamanya pula apabila ada ura-ura hendak menyatukan satu rupa bangsa maka sudah tentu yang demikian sewajibnya dijauhi oleh kerana walaupun kita hanya menjadi ahli-ahli biasa sahaja tetapi kita sudah tentu termasuk ke dalam lingkungan orang-orang yang syubhabah

melanggar perintah-perintah Allah.

Tidak ada sesuatu corak yang sempurna keadaannya melainkan perkara-perkara yang dicorakkan oleh Allah untuk menjadi ikutan dan perhatian tiap-tiap seorang kita selain daripada berpandu kepada pengajaran-pengajaran Allah. Celaka sungguh mereka yang ingkar kepada pengajaran-pengajaran yang ditunjuk Allah dan RasulNya spalagi kepada perbuatan-perbuatan melakukan sesuatu langkah yang akan membawa orang lain tercebur bersama dengannya melanggar tegahan-tegahanNya yang berpunca membawa kepada perpecahan persaudaraan umat Islam.

Dengan apa-apa yang tersebut di atas ini mudah-mudahan dapat orang-orang kita mengambil iktibar dan perhatian atas perkara-perkara yang tersebut dan kita berharap tiap-tiap seorang Islam hendaklah bercermat memasuki sesebuah pertubuhan yang dasarnya tertaja atas kebangsaan yang berlawanan dengan dasar-dasar Islam atau yang melanggar perintah-perintah Islam itu.

---

Apabila engkau tidak menanam dan engkau melihat orang mengetam nescaya engkau menyesal membuang masa ketika menanam benih.

-----\*-----\*

Ilmu yang tidak berguna adalah sebagai ubat yang tidak menyembuhkan.